



NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MARIN
MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE

NMPM 47/2003

JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA

MARINE DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-33467777 Fax: 03-31685289, 31672882 E-mail:

kpgr@marine.gov.my

webpage: <http://www.marine.gov.my>

PELAKSANAAN KOD ISPS - PERLANTIKAN PEGAWAI SEKURITI KAPAL

IMPLEMENTATION OF ISPS CODE - APPOINTMENT OF SHIP'S SECURITY OFFICER

Rujukan berkaitan - NMPM 45/2003 dan NMPM 46/2003

Relevant reference - NMPM 45/2003 and NMPM 46/2003

Pemakluman kepada pemilik kapal, Nakhoda dan pengusaha kapal.

Information to ship owners, Masters and ship operators.

- | | |
|--|--|
| <p>1. Setiap kapal yang mana Kod Antarabangsa bagi Sekuriti Kapal dan Kemudahan Pelabuhan (Kod ISPS) terpakai adalah dikehendaki mempunyai di atas kapal seorang pegawai sekuriti kapal yang dilantik (SSO). SSO yang dilantik hendaklah mempunyai pengetahuan dan latihan yang berkaitan mengikut kehendak-kehendak di dalam Kod yang tersebut.</p> | <p>1. <i>Every ship to which the International Ship and Port Facility Security Code (ISPS Code) applies is required to have on board a designated ship security officer (SSO). The designated SSO shall have knowledge and appropriate training in accordance with the requirements of the said Code.</i></p> |
| <p>2. Setiap SSO yang dilantik di atas mana-mana kapal Malaysia hendaklah telah menghadiri kursus latihan SSO yang berkaitan di mana-mana institusi latihan yang telah diluluskan di Malaysia. Mereka-mereka yang telah mengikuti kursus latihan SSO dengan jayanya akan diberikan sijil yang berkaitan oleh Jabatan Laut.</p> | <p>2. <i>Every SSO appointed on board any Malaysian ship must have attended the appropriate SSO training course at any of the approved training institution in Malaysia. Those that have successfully attended the SSO training course will be issued with the appropriate certificate by the Marine Department.</i></p> |
| <p>3. Sehingga kini Jabatan Laut telahpun meluluskan dua institusi latihan maritim untuk mengendalikan kursus latihan SSO-</p> | <p>3. <i>To date the Marine Department has approved two maritime training institutions to conduct the SSO training course-</i></p> |

- (a) Akademi Laut Malaysia (ALAM) di Melaka; dan
- (b) Sastra Maritime Academy di Labuan.
4. Memandangkan ketiadaan aturan duahala bagi menilai dan menerima mana-mana kursus di bawah Kod ISPS yang dikendalikan oleh mana-mana negara ahli lain Konvensyen SOLAS 1974 seperti dipinda, mana-mana SSO yang hendak dilantik di atas kapal Malaysia, hendaklah hadir kursus latihan yang telah diluluskan dan dikendalikan oleh institusi seperti disenaraikan di atas, dan memperolehi sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut.
5. Semua pemilik kapal, Nakhoda dan pengusaha kapal adalah diingatkan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya bagi pelaksanaan Kod ISPS memandang kepada tarikh penguatkuasaannya pada 1 Julai 2004.
6. Notis ini hendaklah berkuatkuasa dengan serta merta.
- (a) Malaysia Maritime Academy (ALAM) in Malacca; and
- (b) Sastra Maritime Academy in Labuan.
4. *In the absence of any reciprocal arrangement for the evaluation and acceptance for any ISPS Code course conducted in any other contracting parties to the SOLAS Convention 1974 as amended, any SSO to be appointed on board a Malaysian ship, must attend the approved training course conducted by the institutions listed above, and hold the appropriate certificate issued by the Marine Department.*
5. *Shipowners, Masters and ship operators are duly reminded to take necessary action for the implementation of the ISPS Code in light of it coming into force on 1 July 2004.*
6. *This notice is enforced with immediate effect.*

Ketua Pengarah Laut/*Director General of Marine*
Tarikh/Date: 5 November 2003/ 5 November 2003